



DALAM NEGERI

Program TNB Reskilling Malaysia, Tambah Baik Ilmu Usahawan

, 13 hours ago

🕒 2 min

IPOH, 10 Nov- Program TNB Reskilling Malaysia menjadi platform menambah baik pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi bagi usahawan kecil dan sederhana di Perak.

Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd. (ILSAS) dan kerajaan negeri melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak).

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata program ini sekali gus dapat membantu para pekerja syarikat usahawan kecil yang terjejas, khususnya akibat pandemik COVID-19.



"Ia menepati hasrat kerajaan negeri untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja selain merencanakan lagi transformasi digital negeri.

"Dengan tercetusnya Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0), penting untuk majikan memiliki pekerja yang mempunyai kemahiran bersesuaian dengan keperluan syarikat.

"Saya berharap mereka akan dapat meningkatkan kualiti kemahiran sekaligus membantu majikan atau perniagaan mereka sendiri untuk mengharungi suasana ekonomi yang kian mencabar," katanya.

Saarani berkata demikian ketika Majlis Perasmian Kerjasama Program TNB Reskilling Malaysia yang berlangsung secara maya pada Rabu.



Turut sama, Pengarah Urusan TNB ILSAS, Siti Sarah Johana Mohd Said, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri Meor Redwan dan Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), Mohamad Rozlan Mohamad Razali.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan di atas usaha pihak TNB ILSAS melaksanakan program ini sebagai salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat mereka.

Sementara itu, Meor Rezal Fitri berkata antara kursus digital yang telah dan sedang dianjurkan ialah Interactive Video Editing, Creative Content Design dan VYond – Interactive Platform, bagi 15 orang usahawan tempatan di bawah Hub Inovasi & Multimedia (HiM) Digital Perak.

“Inisiatif bersama ini dapat membantu mewujudkan usahawan tempatan yang lebih progresif dan mempunyai keupayaan dalam teknologi ICT.

“Selain melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran ICT yang diperlukan supaya lebih berdaya tahan dan berdaya saing dalam era digital untuk kesinambungan perniagaan,” katanya.



Kursus-kursus ini akan dikendalikan di HiM yang ditempatkan di Meru Raya, Ipoh selama lima hari bermula 8 hingga 12 November.